

Ekoran ramai tokoh parti kembali
semula ke pangkuan UMNO

PM yakin S46 akan tenggelam begitu saja

13 APR 1991

ALUR SETAR 12 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menjangka parti Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah akan terhapus dan tenggelam begitu sahaja berikutan ramai tokoh parti itu kini kembali semula ke pangkuan UMNO.

Katanya, beberapa pemimpin parti tersebut, terutama di Kelantan kini sudah menyedari bahawa perjuangan mereka tidak memberi apa-apa makna langsung dalam membela nasib orang Melayu.

Bercakap kepada para pemberita setibanya di Lapangan Terbang Kepala Batas petang ini untuk majlis berbuka puasa di Tunjang, dekat sini, beliau berkata, UMNO sedia menerima sesiapa sahaja orang Melayu demi masa depan bangsa.

Perdana Menteri dan isterinya, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, pulang ke sini untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama penduduk di kawasan Parlimennya malam ini.

Esok, Perdana Menteri akan mendengar taklimat pembangunan Kubang Pasu di Pejabat Daerah Jitra, sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

Mengulas kembalinya tiga tokoh pemimpin Semangat 46 ke

pangkuan UMNO dalam tempoh sebulan ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, pilihanraya lalu membuktikan rakyat seluruh negara, kecuali Kelantan, menolak perjuangan parti itu.

"Apa maknanya perjuangan itu semua, buat pecah-belahkan orang Melayu sahaja, saya fikir mereka telah sedar dan berpatah balik kepada UMNO," ujarnya.

Kata beliau lagi, selaras dengan dasar dan perjuangan UMNO, UMNO menerima sesiapa sahaja menyertainya asalkan mereka orang Melayu.

Ketiga-tiga pemimpin Semangat 46 yang menyertai UMNO ialah Ketua Pemuda yang juga ahli Parlimen Pasir Mas, Haji Ibrahim Ali, ahli Dewan Undangan Negeri Limbungan, Wan Mohd. Najib Wan Mohamad dan Pengerusi Semangat 46 Kedah, Dato' Zainol Abidin Johari.

Ditanya kemungkinan UMNO menawarkan sebarang jawatan kepada Dato' Zainol Abidin, Perdana Menteri berkata, tidak ada sebarang tawaran jawatan kepada bekas pemimpin pembangkang itu.

Menurutnya, tidak ada sebab kemasukan Dato' Zainol Abidin dan dua tokoh Semangat 46 yang lain ke dalam UMNO kerana kepentingan jawatan.